

No. Soalan : 48
PR-1341-L73196

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**
[MARANG]

TARIKH : **21 MAC 2016**

SOALAN : **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan Malaysia menangani ancaman kuasa besar Amerika Syarikat dan China dan apakah kesan terhadap politik, ekonomi dan keselamatan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia mempunyai hubungan kerjasama dua hala yang amat baik dengan Amerika Syarikat dan China yang merupakan antara rakan dagangan dan pelaburan utama bagi Malaysia. Hubungan dua hala yang akrab dengan Amerika Syarikat yang telah dipertingkatkan ke tahap *Comprehensive Partnership*, dengan izin, dalam pelbagai bidang kerjasama utama termasuk politik, ekonomi, keselamatan dan pertahanan telah memberikan banyak manfaat kepada Malaysia. Antaranya, termasuk peningkatan jumlah dagangan dan pelaburan, penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), kerjasama di dalam bidang pendidikan, sains dan teknologi, kerjasama dalam membanteras jenayah dan keganasan dan kerjasama di dalam bidang pertahanan.

3. Hubungan dua hala Malaysia – China pula berada pada tahap yang terbaik pada ketika ini di mana pada tahun 2014, Malaysia dan China telah meraikan sambutan ulangtahun penubuhan hubungan diplomatik ke-40. Selain daripada jalinan kerjasama dalam pelbagai bidang, pertukaran lawatan antara pemimpin-pemimpin tertinggi antara kedua-dua negara menjadi elemen penting dalam hubungan dua hala Malaysia – China. Pada

23 November 2015 yang lalu, Tuan Yang Terutama Li Keqiang, Perdana Menteri China telah mengadakan lawatan rasmi yang pertama ke Malaysia. Susulan lawatan rasmi tersebut, lapan memorandum persefahaman telah ditandatangani antara kedua-dua belah pihak. Selain itu, pada Februari 2016 yang lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke Beijing bagi memperkuuhkan lagi kerjasama dua hala Malaysia – China terutamanya dalam bidang keselamatan dan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk mengimbangkan hubungan dengan Amerika Syarikat dan China melalui pendekatan dialog dan ‘engagement’ yang berterusan dengan kedua-dua negara berkenaan bagi membangkitkan dan membincangkan pelbagai isu berkepentingan termasuk isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa. Ini dilakukan semasa pertemuan di antara para pemimpin negara dengan pemimpin negara-negara tersebut serta semasa mesyuarat dan dialog dua hala di pelbagai peringkat dengan kedua-dua negara berkenaan. Malaysia juga telah menggunakan kesempatan tersebut untuk memaklumkan kepada Amerika Syarikat dan China untuk memastikan bahawa sebarang persaingan antara mereka tidak membawa kepada ketidakstabilan dan menggugat keselamatan rantau ini.

5. Dalam hal ini, pendirian Malaysia adalah jelas, iaitu kedua-dua kuasa besar Amerika Syarikat dan China, bukan ancaman kepada Malaysia

malah Negara akan terus mendapat manfaat dari segi hubungan politik yang erat, kerjasama dalam bidang ekonomi dan kerjasama dalam bidang keselamatan dan pertahanan. Malaysia juga menghargai hubungan kerjasama dua hala dengan Amerika Syarikat dan China dan akan terus memperkuatkan jalinan kerjasama demi memastikan negara mendapat manfaat yang berterusan daripada hubungan kerjasama tersebut.

Sekian, terima kasih